

Pk. P.U. 21.

ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM (PERAK) 2004

**FATWA MENGENAI HUKUM WANITA MENYERUPAI LELAKI (PENGKID) DAN HUKUM
LELAKI MENYERUPAI PEREMPUAN (PONDAN DAN MAK NYAH)**

BAHAWASANYA Jawatankuasa Fatwa, pada menjalankan kuasanya di bawah seksyen 36 dan seksyen 37 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004 [*Enakmen 4 tahun 2004*], telah menyediakan fatwa yang terkandung dalam ini:

Dan bahawasanya menurut seksyen 37 Enakmen yang sama, Duli Yang Maha Mulia Sultan Perak Darul Ridzuan telah memperkenankan penyiaran fatwa ini dalam *Warta* dan Kerajaan Negeri telah dimaklumkan tentang fatwa ini:

Maka, oleh yang demikian, pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 37 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004, Jawatankuasa Fatwa, dengan perkenan Duli Yang Maha Mulia Sultan, membuat dan menyiarkan fatwa yang berikut:

“ Pengkid, iaitu wanita yang berpenampilan dan mempunyai gerak laku serta naluri seksual seperti lelaki, dan lelaki yang menyerupai wanita (mak nyah/ pondan) sama ada dari segi pakaian, penampilan dan gerak laku serta naluri seksual seperti wanita adalah **HARAM** di sisi Islam.

Ibu bapa dan masyarakat Islam hendaklah memberi perhatian serius terhadap gejala ini serta menekankan pendidikan, tunjuk ajar yang sebaik-baiknya kepada anak-anak mereka khususnya dalam aspek berpakaian, perlakuan dan penampilan supaya gejala seumpama ini dapat dielakkan kerana ia adalah berlawanan dengan fitrah dan sunnatullah”.

Bertarikh 13 Mei 2010
[MNPK.A351.IST/01/7 Jld. 2;
PU.Pk. 07/2001]

Dengan Titah Perintah Duli Yang Maha Mulia Sultan

TAN SRI DATO' SERI (DR) HAJI HARUSSANI BIN HAJI ZAKARIA
*Musti dan Pengerusi Jawatankuasa Fatwa
Negeri Perak Darul Ridzuan*